

# PENULISAN (MENULIS ULASAN)

## Jom Praktis

Gambar di bawah menunjukkan kesan-kesan penggunaan media sosial kepada murid.

Tulis ulasan tentang kesan-kesan penggunaan media sosial tersebut dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



Sumber Gambar: Internet

# CIKGU HANISAH


~Cikgu Hanisah Ramli~

# PENULISAN (MENULIS ULASAN)

## Contoh Ulasan I

Gambar di bawah menunjukkan tentang amalan gaya hidup sihat.

Tulis ulasan tentang **cara-cara menjaga kesihatan diri** dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



Sumber Gambar: Internet

CIKGU HANISAH

~Cikgu Hanisah Ramli~

# PENULISAN (MENULIS ULASAN)

## Contoh Jawapan I

### PENDAHULUAN:

Gambar menunjukkan tentang cara-cara menjaga kesihatan diri. Terdapat beberapa cara untuk menjaga kesihatan diri.

PENANDA WACANA	KATA BANTU	ISI TERSURAT	ISI TERSIRAT
Antaranya,	kita mestilah	menjaga pemakanan seharian	- makan makanan berkhasiat - tubuh badan sihat
Selain itu,	kita perlulah	membuat pemeriksaan kesihatan	memastikan kesihatan terjamin
Di samping itu,	kita seharusnya	menjaga kebersihan umah dan persekitaran	mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes
Akhir sekali,	kita sewajarnya	rajin bersenam	- dapat mengeluarkan peluh - badan cergas dan otak cerdas

### PENUTUP:

Kesimpulannya, kesihatan diri amat penting kerana dapat menjadikan hidup kita lebih ceria dan bahagia.

### Jawapan lengkap

Gambar menunjukkan tentang cara-cara menjaga kesihatan diri. Terdapat pelbagai cara untuk menjaga kesihatan diri.

Antaranya, kita mestilah menjaga pemakanan seharian dengan makan makanan berkhasiat supaya tubuh badan sentiasa sihat. Selain itu, kita perlulah membuat pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya enam bulan sekali untuk memastikan kesihatan terjamin. Di samping itu, kita juga seharusnya menjaga kebersihan rumah dan persekitaran dengan membersihkan kawasan sekitar bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes. Akhir sekali, kita sewajarnya rajin bersenam sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Dengan bersenam, badan dapat mengeluarkan peluh. Kesannya, badan kita akan menjadi cergas dan otak menjadi cerdas.

Kesimpulannya, kesihatan diri amat penting kepada kita kerana dapat menjadikan hidup kita lebih ceria dan bahagia.

# PENULISAN (MENULIS ULASAN)

## Jom Praktis

Gambar di bawah menunjukkan tentang cara-cara menjaga kebersihan diri.

Tulis ulasan tentang **cara menjaga kebersihan diri** tersebut dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



Sumber Gambar: Internet

CIKGU HANISAH

~Cikgu Hanisah Ramli~

# PENULISAN (MENULIS ULASAN)

## Kerangka Ulasan 2

Ulasan jenis faedah, kebaikan, kepentingan, kelebihan, faktor, punca dan kesan sesuai menggunakan kerangka ulasan ini.

Ulasan (Faedah/Kebaikan/Kepentingan/Kelebihan/Faktor/Punca/Kesan)	
Pendahuluan (Perenggan 1)	<u>Gambar/Carta/Graf/Petikan/Poster/Iklan/Peta....</u> menunjukkan tentang _____ (tajuk ulasan). _____ (kaitan tajuk) sememangnya mendatangkan banyak (kebaikan/keburukan) dalam kehidupan kita.
Isi 1	Antaranya adalah _____ (isi tersurat). Dengan cara itu, kita akan dapat _____ (isi tersurat) (kata hubung) _____ (huraian isi tersurat).
Isi 2	Selain itu, _____ (tajuk) kita akan dapat _____ (isi tersurat). Hal yang demikian membolehkan kita _____ (isi tersurat).
Isi 3	Di samping itu, _____ (berkaitan tajuk) kita dapat _____ (isi tersurat). Oleh itu, kita dapat _____ (isi tersurat).
Isi 4	Akhir sekali, _____ (berkaitan tajuk) kita dapat _____ (isi tersurat). Kesannya, kita dapat _____ (isi tersurat).
Penutup (Perenggan 3)	Kesimpulannya, jelaslah bahawa _____ (berkaitan tajuk) memberikan _____ kepada kita.

- Kerangka ini sekadar cadangan. Bentuk huraian boleh diubah mengikut kesesuaian bahan.

# PENULISAN (MENULIS ULASAN)

## Contoh Jawapan I

### PENDAHULUAN:

Gambar menunjukkan tentang cara-cara mengatasi stres. Terdapat pelbagai cara untuk mengatasi masalah stres.

PENANDA WACANA	KATA BANTU	ISI TERSURAT	ISI TERSIRAT
Antaranya,	kita mestilah	bangun awal	tidak tergesa-gesa tidak lewat ke sekolah
Selain itu,	kita perlulah	meluangkan masa bersama keluarga	mengeratkan hubungan sesama ahli keluarga
Di samping itu,	kita seharusnya	mempunyai bilik yang selesa	dapat belajar dengan selesa dan tenang
Akhir sekali,	kita sewajarnya	membuat persediaan awal	lebih bersedia dan yakin menghadapi peperiksaan

### PENUTUP:

Kesimpulannya, gaya hidup yang positif dapat menghindari diri daripada stres.

### Jawapan lengkap

Gambar menunjukkan tentang cara-cara mengatasi stres. Terdapat pelbagai cara untuk mengatasi masalah stres.

Antaranya, kita mestilah bangun awal agar tidak tergesa-gesa dan terlewat ke sekolah. Selain itu, kita perlulah meluangkan masa bersama keluarga seperti bercuti bersama. Hal yang demikian dapat mengeratkan hubungan sesama ahli keluarga. Di samping itu, kita juga seharusnya mempunyai bilik yang selesa supaya dapat belajar dengan selesa dan tenang. Akhir sekali, kita sewajarnya membuat persediaan awal dengan mengulang kaji pelajaran. Dengan itu, kita akan lebih bersedia dan yakin untuk menghadapi peperiksaan.

Kesimpulannya, dengan mengamalkan gaya hidup yang positif, kita akan dapat menghindari diri daripada masalah stres.

# PENULISAN (MENULIS ULASAN)

## Contoh Ulasan 2

Aktiviti sukan mendatangkan banyak faedah dalam kehidupan kita. Peta buih di bawah menunjukkan tentang kebaikan-kebaikan aktiviti bersukan.

Tulis ulasan tentang **kebaikan bersukan** dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



Sumber: Internet

# PENULISAN (MENULIS ULASAN)

## Contoh Jawapan 2

### PENDAHULUAN:

Peta buih menunjukkan tentang kebaikan-kebaikan aktiviti bersukan. Bersukan sememangnya mendatangkan banyak kebaikan dalam kehidupan kita.

PENANDA WACANA	ISI TERSURAT	ISI TERSIRAT
Antaranya,	menyihatkan tubuh badan	- badan mengeluarkan peluh - badan sihat dan cergas
Selain itu,	mengisi masa lapang	- melakukan perkara berfaedah - elak gejala sosial
Di samping itu,	mengeratkan hubungan	- berjumpa dengan ramai orang - menambah kenalan
Akhir sekali,	mengharumkan nama negara	- mewakili negara - memperkenalkan negara di mata dunia

### PENUTUP:

Kesimpulannya, jelaslah bahawa bersukan memberikan banyak kebaikan kepada kita kerana dapat menjadikan kita masyarakat yang cerdas dan cergas.

### Jawapan lengkap

Peta buih menunjukkan tentang kebaikan-kebaikan aktiviti bersukan. Aktiviti bersukan sememangnya mendatangkan banyak kebaikan dalam kehidupan kita.

Antaranya adalah dapat menyihatkan tubuh badan. Dengan beriadah, badan akan mengeluarkan peluh seterusnya menjadikan badan kita sihat dan cergas. Selain itu, melalui bersukan juga, kita dapat mengisi masa lapang dengan melakukan perkara yang berfaedah. Hal yang demikian dapat mengelakkan diri daripada terjebak dalam gejala sosial. Di samping itu, dengan bersukan juga kita dapat mengeratkan hubungan silaturahim kerana kita boleh berjumpa dengan ramai orang. Oleh itu, kita dapat menambah ramai kenalan baharu. Akhir sekali, aktiviti bersukan juga membolehkan kita mengharumkan nama negara apabila kita berjaya mewakili negara di peringkat antarabangsa. Kesannya, kita dapat memperkenalkan negara Malaysia di mata dunia.


Kesimpulannya, jelaslah bahawa bersukan memberikan banyak kebaikan kepada kita kerana dapat menjadikan kita masyarakat yang cerdas dan cergas.

# PENULISAN (MENULIS ULASAN)

## Jom Praktis

Gambar di bawah menunjukkan tentang cara-cara mengisi masa lapang.

Tulis ulasan tentang **cara mengisi masa lapang** dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



Sumber Gambar: BH Didik

# CIKGU HANISAH

~Cikgu Hanisah Ramli~